

13/09/1997

Namibia kagumi kejayaan negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Republik Namibia mengagumi kejayaan negara ini dalam usaha meningkatkan keberkesanan fungsi organisasi, khususnya melalui projek penswastaaan.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Railey Jeffery, berkata republik itu mengagumi kecemerlangan negara ini terutama bidang penswastaaan.

Republik itu sudah menswastakan beberapa organisasi besarnya, termasuk pelabuhan dan jalan raya, katanya ketika menerima kunjungan Timbalan Menteri Kerjaraya Pengangkutan dan Komunikasi republik itu, Dr Klaus Dieks di pejabatnya hari ini.

Railey berkata, Namibia mahu mempelajari program penswastaaan negara ini.

Menurut Railey, ia juga adalah susulan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Namibia dua tahun lalu.

(END)